

03/08/1997

Pendaki terima hadiah MIC

KUALA LUMPUR: Empat pendaki negara sekali lagi menerima hadiah lumayan apabila MIC memberi sumbangan RM80,000 bagi menghargai kejayaan pasukan negara menawan Gunung Everest pada 23 Mei lalu.

Daripada jumlah itu, dua pendaki, M Magendran dan N Mohanandas, yang sampai ke puncak gunung setinggi 8,848 meter itu, menerima RM25,000 seorang manakala Gary Chong dan Mohd Fauzan Hassan yang turut bersama pasukan pendaki terakhir itu mendapat RM15,000 seorang. Persatuan Mendaki Malaysia menerima RM10,000.

Sumbangan itu disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi pihak MIC sempena majlis perasmian perhimpunan agung parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Presiden MIC yang juga Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Perdana Menteri Mauritius, Dr Navichandra Rangoolam, turut hadir.

(END)